



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

NOVEL-NOVEL ZAILIANI TASLIM: ANALISIS KEHENDAK REMAJA

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

FBMK 2002 10

NOVEL-NOVEL ZAILIANI TASLIM: ANALISIS KEHENDAK REMAJA

Oleh

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sastera**

Julai 2002



“Setulus kasih, seluhur cinta
abadi selamanya”

teristimewa:

isteri

Rahani Ibrahim

anak-anak

Nudra Shafini

Hafidan Izrad

Farhan Ariff

Ya Allah,
limpahi segala rahmat-Mu
kepada kami
dunia - akhirat

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

NOVEL-NOVEL ZAILIANI TASLIM : ANALISIS KEHENDAK REMAJA

Oleh

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

Julai 2002

Pengerusi: Dr. Ramli @ Sahari bin Isin

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Zailiani Taslim telah muncul sebagai salah seorang penulis Malaysia yang secara konsisten menghasilkan karya dalam genre sastera remaja. Karya-karya penulis ini dalam genre berkaitan memperlihatkan penampilan remaja secara berkesan dalam masyarakat yang diwakilinya. Kajian ini melibatkan enam buah novel beliau iaitu *Jambatan Kasih, Dari Padang Hijau, Semesra Kota Ku, Ladang, Keringat Dan Cinta, Meredah Onak dan Hempasan Ombak*.



Memandangkan novel remaja turut menyumbang kepada pembangunan diri remaja, maka kajian ini bermatlamat untuk melihat kehendak-kehendak yang ingin dipenuhi oleh remaja dalam kehidupan mereka. Untuk melihat kehendak-kehendak ini secara sistematik, maka teori Hierarki Kehendak Manusia yang dicetuskan oleh Abraham H. Maslow digunakan. Dalam konteks ini, aspek watak dan perwatakan remaja tidak diketepikan.

Keputusan kajian mendapati bahawa watak-watak memperagakan nilai-nilai positif yang konsisten dalam mencapai kehendak-kehendak mereka. Semua watak mencapai tiga peringkat pertama hierarki kehendak iaitu peringkat kehendak fisiologi, peringkat kehendak keselamatan dan peringkat kehendak kasih sayang dan keinginan dimiliki, empat daripada enam watak mencapai peringkat penghargaan sendiri dan tiada seorang pun mencapai peringkat penyempurnaan sendiri.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

MALAY NOVELS BY ZAILIANI TASLIM : AN ANALYSIS ON YOUNG ADULT NEEDS

By

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

July 2002

Chairman : Dr. Ramli @ Sahari bin Isin

Faculty : Modern Languages and Communication

Zailiani Taslim has emerged as one of the Malaysian creative writers who consistently produce work in young adults literature. The work by this creative writer in the respective genre generally shows the progress of young adults in managing their adolescent life in the society they belong to. This study encompasses six of his novels, namely *Jambatan Kasih*, *Dari Padang Hijau*, *Semesra Kota Ku*, *Ladang*, *Keringat Dan Cinta*, *Meredah Onak* and *Hempasan Ombak*.



Due to the understanding that this kind of novels helps young adults to establish and to possess good ways of life, hence this study aims to clarify their needs. To delve further into this matter, the Theory of Hierarchy of Needs as introduced by Abraham H. Maslow is used. In the context of this study, aspects of characters and characteristics are given due consideration.

The results of this study show the characters have performed good positive values of life, consistently, in achieving those needs. All the characters achieved the first three hierarchies of needs. However, only four out of six characters managed to achieve the fourth hierarchy. None achieved the last.



PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa syukur, pengkaji akur bahawa hanya dengan izin dan rahmat Allah s.w.t. yang tidak terhingga dan tidak ternilai maka pengkaji akhirnya berjaya menyelesaikan kerja-kerja penulisan tesis sarjana ini dalam masa yang dijangkakan.

Sehubungan ini, pengkaji ingin melahirkan sejuta penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Ramli Isin, Tuan Haji Mohamad Kasim Ismail dan Tuan Haji Abdul Rahim Marasidi, iaitu pensyarah-pensyarah dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia selaku penyelia-penyelia sepanjang kajian ini dilaksanakan. Dengan keikhlasan dan kesabaran mereka membimbing maka tesis ini dapat diselesaikan dalam bentuk yang dapat dilihat kini.

Pengkaji turut menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Ahmad dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah seikhlasnya mencurahkan pengalamannya sepanjang menangani sastera remaja di Malaysia. Pengkaji juga tidak lupa merakamkan ucapan yang sama kepada pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia dan rakan-rakan sekuliah yang tidak dapat pengkaji senaraikan satu persatu, yang turut berkongsi pengetahuan dan pandangan yang berguna sepanjang kajian ini dilakukan.



Kepada beberapa pihak tertentu iaitu Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara, pengkaji turut mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah menghulurkan segala bantuan sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, pengkaji menghulurkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri, Rahani Ibrahim, dan anak-anak yang disayangi, Nudra Shafini, Hafidan Izrad dan Farhan Ariff yang sentiasa memahami tanggungjawab pengkaji dan berkongsi suka duka untuk mengecapi kejayaan ini.

Semoga Allah yang Maha Kuasa melindungi dan melimpahkan rahmat-Nya kepada mereka semua.

AMIN

HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH
2499, Jalan Joget 4,
Taman Ria Jaya,
08000 Sungai Petani,
Kedah.

16 Julai 2002



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Halis Azhan bin Mohd. Hanafiah telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 16hb. Julai, 2002 untuk menilai tesis Master Sastera beliau yang bertajuk "Novel-novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan Ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Halimah binti Hassan, M.A.

Jabatan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
(Pengerusi)

Ramli @ Sahari bin Isin, Ph.D.


Jabatan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)

Mohd. Kasim bin Ismail, M.A.

Jabatan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)

Abdul Rahim bin Marasidi, M.A.

Jabatan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)



SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.
Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Julai 2002

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sastera.



AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 JAN 2023

PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia.



HALIS AZHAN BIN MOHD. HANAFIAH

Tarikh: 29 JULAI 2002

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
KANDUNGAN	xii
JADUAL	xiv
RAJAH	xv
 BAB	
1	PENDAHULUAN
	Pengenalan 1
	Permasalahan Kajian 10
	Kepentingan Kajian 13
	Objektif Kajian 15
	Batasan Kajian 16
	Definisi Konsep dan Definisi Operasional 17
	Watak dan Perwatakan 17
	Remaja 24
	Novel 30
	Kehendak 33
2	SOROTAN LITERATUR
	Pengenalan 36
	Kajian-kajian Lalu 36
	Kesimpulan 45
3	METODOLOGI KAJIAN
	Pengenalan 47
	Teori Hierarki Kehendak Manusia 48
	Pendekatan Kajian 59
4	DAPATAN KAJIAN
	Pengenalan 68
	Analisis Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam Novel <i>Jambatan Kasih</i> 71
	Analisis Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Remaja Untuk Memenuhi Kehendak dalam Novel <i>Jambatan Kasih</i> 77



Analisis Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam Novel <i>Dari Padang Hijau</i>	93
Analisis Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Remaja Untuk Memenuhi Kehendak dalam Novel <i>Dari Padang Hijau</i>	99
Analisis Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam Novel <i>Semesra Kota Ku</i>	117
Analisis Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Remaja Untuk Memenuhi Kehendak dalam Novel <i>Semesra Kota Ku</i>	123
Analisis Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam Novel <i>Ladang, Keringat dan Cinta</i>	140
Analisis Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Remaja Untuk Memenuhi Kehendak dalam Novel <i>Ladang, Keringat dan Cinta</i>	146
Analisis Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam Novel <i>Meredah Onak</i>	163
Analisis Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Remaja Untuk Memenuhi Kehendak dalam Novel <i>Meredah Onak</i>	170
Analisis Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam Novel <i>Hempasan Ombak</i>	186
Analisis Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Remaja Untuk Memenuhi Kehendak dalam Novel <i>Hempasan Ombak</i>	192
 5 KESIMPULAN	 210
BIBLIOGRAFI	222
BIODATA DIRI	228



JADUAL

Jadual		Halaman
1	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak	64
2	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak	65
1A	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam novel <i>Jambatan Kasih</i>	75 – 76
2A	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak dalam novel <i>Jambatan Kasih</i>	91 – 92
1B	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam novel <i>Dari Padang Hijau</i>	97 – 98
2B	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak dalam novel <i>Dari Padang Hijau</i>	115 – 116
1C	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam novel <i>Semesra Kota Ku</i>	121 – 122
2C	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak dalam novel <i>Semesra Kota Ku</i>	138 – 139
1D	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam novel <i>Ladang, Keringat Dan Cinta</i>	144 – 145
2D	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak dalam novel <i>Ladang, Keringat Dan Cinta</i>	161 – 162
1E	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam novel <i>Meredah Onak</i>	168 – 169
2E	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak dalam novel <i>Meredah Onak</i>	184 – 185
1F	Watak, Perwatakan dan Kehendak Watak dalam novel <i>Hempasan Ombak</i>	190 – 191
2F	Sebab, Tindakan dan Kesan Tindakan Watak dalam novel <i>Hempasan Ombak</i>	205 – 206

RAJAH

Rajah		Halaman
1	Hierarki Kehendak Manusia	53
2	Pendekatan Kajian	66

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Robert Marthe (1972: 3) mendefinisikan 'novel' sebagai '*sebuah kehidupan dalam bentuk buku*'. Justeru, novel remaja boleh disifatkan sebagai manifestasi kehidupan remaja yang dipersembahkan oleh seseorang penulis secara kreatif dan imaginatif untuk dihayati dan dinikmati oleh khalayak pembaca. Novel remaja berdiri di atas norma-norma kehidupan remaja dan dibataskan oleh sempadan novel kanak-kanak dan novel dewasa melalui pelbagai aspek seperti struktur bahasa, tema, watak-watak utama, wacana, aspirasi dan pemikiran.

Ditinjau dari sudut sejarah, kemunculan novel remaja di persada sastera tanahair ditandai dengan terbitnya novel berjudul *Cincin Rahsia* karya Hashim Amir Hamzah pada tahun 1951. Novel bercorak penyiasatan ini dianggap sebagai perintis genre seumpama ini di Malaysia. Selepas *Cincin Rahsia*, beberapa buah novel remaja lagi menyusul dalam era 1950an seperti *Bahagia Sesudah Derita* (1956) karya Mohd. Akhir Leman

dan *Ahad* (1956) oleh Zakaria Salleh dan *Jasmin* (1965) karya Darussalam, *Kanak-kanak Kampung Bahagia* (1967) karya M. Balfas dan *Yang Berat Sama Dipikul* (1969) dan *Jangan Ikut Jalan Ini* (1969) karya A. Samad Said pada tahun 1960an.

Perkembangan novel remaja semakin ketara pada dekad-dekad seterusnya. Ramai penulis terlibat secara langsung dengan penulisan novel remaja dan mereka muncul silih berganti. Ada yang kekal lama, bertahan dan akhirnya menjadi penulis mapan. Ada juga yang menjelma sekejap, kemudian menyepi dan akhirnya menghilang begitu sahaja. Begitu pun, genre novel remaja tetap subur dengan terhasilnya ribuan karya sedemikian hasil penganjuran sayembara-sayembara penulisan novel remaja dan usaha-usaha komersial syarikat-syarikat penerbitan.

Bagaimanapun, dengan sifatnya yang muncul agak lewat dan terapung-apung di antara dua 'kuasa besar' sastera, iaitu sastera kanak-kanak dan sastera dewasa, konsep dan falsafah novel remaja gagal disepakati sehingga pada awal tahun 1980an (Othman Puteh, 1998a: 7). Percanggahan timbul di kalangan khalayak sastera dalam mencari dan menjelaskan bentuk sesebuah karya untuk dikelompokkan dalam genre novel remaja. Umpamanya, novel *Badai Semalam* (1974) karya Khadijah Hashim dianggap sebagai bacaan dewasa walhal kandungannya ternyata lebih sesuai untuk tatapan remaja. Sebaliknya, novel *Renyah* (1994) karya

Gunawan Mahmood yang bersangkutan dengan hal-hal dewasa pula diterbitkan sebagai bacaan remaja. Novel ini telah terpilih memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank pada tahun 1994 bagi kategori novel remaja. Hashim Awang (1991: 4) menyifatkan kecelaruan pembahagian ini sebagai suatu permasalahan besar dalam perkembangan novel remaja. Tegasnya, selagi suatu penjelasan yang lengkap belum dapat dicapai dan disepakati, novel remaja khususnya dan sastera remaja amnya sukar menemui jati diri dalam dunia sastera tanahair.

Menurut Abdul Ahmad (1998: 12), konsep dan falsafah novel remaja dapat ditanggapi dengan penekanan terhadap empat faktor utama yang menjadi teras pengkaryaanannya.

Faktor pertama ialah zaman remaja itu sendiri. Zaman remaja yang dimaksudkan di sini bukan sahaja mencakupi definisi remaja dari segi usia, malahan pengukuhannya meliputi aspek-aspek fizikal, mental, biologikal, jasmani, rohani, tingkah laku dan pemikiran. Aspek-aspek ini perlu dilihat secara bersepadu, bukan sebagai unit-unit kecil yang berasingan agar zaman remaja dapat ditafsirkan secara tepat dan menyeluruh. Ditinjau secara lebih mendalam, tugas penulis yang paling penting semasa proses penggarapan karya berlaku ialah mewujudkan suatu nilai 'dimiliki' (*sense of belonging*) di kalangan khalayak, khususnya pembaca golongan remaja.

Pembaca golongan ini lebih cenderung untuk meninjau, menikmati dan menghayati karya yang rapat dengan dunia yang sedang mereka lalui.

Faktor kedua ialah penerapan nilai-nilai murni dalam karya. Novel remaja bukan sekadar berfungsi untuk menghibur, malahan mendidik remaja dalam mengharungi usia peralihan itu. Antara nilai-nilai murni yang sering ditekankan dalam novel-novel remaja ialah rajin, tekun, baik hati, berusaha, berhemah, berbudi bahasa, bersopan santun, saling menghormati, bertanggungjawab, bertindak dengan rasional, tidak mementingkan diri sendiri dan rasional. Faktor-faktor inilah yang harus ditekuni oleh penulis dalam sesebuah karya agar kesannya dapat mengangkat jati diri remaja sebagai warga yang terdidik dengan akhlak-akhlak mulia dan dapat berganding bahu menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Menurut Abdul Ahmad (1991: 12) lagi, sastera remaja (novel remaja) dapat membantu khalayak remaja melakukan introspeksi terhadap diri sendiri dan hal-hal lain berkaitan kehidupannya seperti hubungan sesama manusia, hubungan dengan alam tabii dan hubungan manusia dengan alam metafiziknya.

Faktor ketiga ialah penerapan unsur ilmu dalam karya. Penerapan unsur-unsur ilmu ini perlu dilihat dari dua sudut iaitu pertama, penulis perlu mengetahui serba sedikit mengenai psikologi remaja dan kedua, tentang adanya ilmu yang secocok dengan pengetahuan dan kehendak remaja.

Unsur-unsur ilmu yang dikehendaki dalam novel remaja ialah fakta-fakta yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti disiplin undang-undang, disiplin sains dan teknologi, disiplin sains sosial, disiplin ekonomi, disiplin pendidikan dan disiplin sukan. Penulis boleh menerapkan unsur-unsur ilmu ini secara efektif dan berkesan dengan mengenali psikologi remaja dan meninjau kehendak-kehendak golongan remaja. Abdul Ahmad (1991: 13) berpendapat bahawa ilmu yang disampaikan melalui sastera bersifat '...intuitif, kreatif, perseptif, imaginatif, perbandingan atau tidak langsung yang cukup halus dan meninggalkan kesan kejiwaan yang lama.'

Faktor terakhir pula ialah aspirasi dalam karya. Faktor ini menemukan penulis dengan beberapa persoalan berhubung dengan karyanya. Persoalan-persoalan itu berkaitan dengan kesesuaian tema yang dipersembahkan oleh penulis dalam karya, penggarapan plot yang seharusnya serasi dengan tahap pemikiran dan kematangan remaja dan penggunaan perkataan dan laras bahasa yang disenangi oleh golongan remaja. Dalam hal ini, sebarang tema karya boleh melangkaui dunia remaja, tetapi persembahannya mesti dalam jangkauan aspirasi remaja. Kegagalan penulis menyesuaikan karya dengan aspirasi golongan ini bukan sahaja menjadikan minat mereka mendekati sastera remaja merudum, malah turut mendorong mereka menjarakkan diri dari genre ini.

Dengan penjelasan mengenai konsep dan falsafah novel remaja, jelaslah bahawa novel remaja mercup di persada sastera tanahair dengan ciri-cirinya yang tersendiri. Penjelasan ini juga secara tidak langsung menegaskan bahawa tidak semua novel yang ceritanya berkisar mengenai kehidupan remaja dan digerakkan oleh watak-watak remaja tergolong dalam genre novel remaja. Novel remaja berkisar mengenai persoalan-persoalan yang serius dan menjelaskan bagaimana remaja bertanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam kitaran kehidupan mereka.

Dalam pasaran novel-novel Malaysia, terdapat suatu bentuk lagi novel yang berkisar mengenai kehidupan remaja, tetapi lebih kerap menyentuh persoalan-persoalan yang ringan dan remeh-temeh. Persoalan-persoalan yang sering ditimbulkan lazimnya berkisar mengenai kisah cinta asyik masyuk, kisah hantu, kisah misteri dan kisah politik murahan dan lebih mendekati bentuk novel picisan. Novel-novel seperti ini lebih laris dan mendapat tempat di hati golongan remaja kerana penulis-penulisnya lebih senang melayan dan menyempurnakan impian-impian mudah dan murah khalayak pembaca. Novel-novel ini dikenali sebagai novel-novel popular dan tidak menepati konsep dan falsafah novel remaja yang sebenar.

Persoalan-persoalan yang dikemukakan dalam novel-novel popular tidak menyogokkan nilai-nilai kehidupan yang tinggi dan dihormati. Nilai-nilai murni sering dikesampingkan, malah lebih malang lagi, pembaca-pembaca disogokkan dengan unsur-unsur seks dan cinta murahan. Dari segi laras bahasa pula, penulis-penulisnya lebih kerap menggunakan bahasa slanga, atas alasan mudah, bahawa inilah caranya untuk mendekati para pembaca remaja. Penerbitan novel-novel dalam bentuk ini sebenarnya tidak bersandarkan keprihatinan penulis terhadap usaha-usaha mendidik remaja menjadi warga yang diingini oleh agama, masyarakat dan negara. Apatah lagi, penerbitannya pula diusahakan oleh penerbit-penerbit yang tidak bertanggungjawab dan lebih berminat untuk meraih keuntungan segera dan lumayan semata-mata.

Kewujudan novel-novel popular jelas membantutkan perkembangan novel-novel remaja di Malaysia. Othman Puteh (1998b: 13) menjelaskan bahawa karya untuk remaja dengan selera rendah, mengghairahkan, tanpa mesej dan mementingkan faktor komersil serta mempersembahkan watak-watak dengan perwatakan yang bertindak mengikut nafsu dan emosi dengan sendirinya telah menafikan keperluan dan minat pembaca remaja. Novel-novel seperti ini tidak membantu membina minda golongan remaja. Di samping itu, ada segelintir penulis yang meminggirkan tanggungjawab sosial mereka terhadap golongan remaja dengan

menyelitikan adegan-adegan berunsur lucah dan tidak bermoral semamata-mata hendak melariskan karya-karya mereka.

Untuk memperihalkan novel-novel yang menjadi bacaan golongan remaja ini secara lebih jelas dan terperinci, Othman Puteh (1995 : 425 – 427) membuat pembahagiannya kepada tiga kelompok besar. Novel yang menepati konsep dan falsafah novel remaja dikenali sebagai novel Arus Sastera Remaja Literer, novel bentuk popular sebagai novel Arus Sastera Remaja Popular dan novel yang memapar dan menyelitikan adegan-adegan erotik dan porno sebagai novel Arus Sastera Remaja Picisan. Selain novel Arus Sastera Remaja Literer, penulis-penulis yang menghasilkan novel-novel dalam dua kelompok terkemudian sering mengeneipkan unsur-unsur ilmu dalam karya-karya mereka.

Faisal Tehrani (2001: 14) turut mempertahankan novel remaja sebagai suatu karya serius. Menurutnya, selain idea dan emosi, novel remaja perlu mempertahankan estetikanya. Nilai-nilai ini harus seimbang dan segandingan kerana kebolehan penulis mengadun ketiga-tiganya dalam sesebuah karya akan mendedahkan kemampuan artistiknya. Dengan itu, khalayak pembaca bukan sahaja menikmati sesebuah novel remaja untuk melihat persoalan-persoalan yang berlatarkan kehidupan remaja, malah melihat nilai-nilai kehidupan manusia dalam konteks yang

lebih luas dan bermakna yang digarap dalam bahasa yang indah dan bertenaga.

Menurut Shahnnon Ahmad (1991: 1) novel, seperti cerpen dan sajak, mencatatkan perihal manusia dan kehidupannya. Justeru, novel remaja memperihalkan remaja dan merakamkan pengalaman-pengalamannya. Novel remaja selalunya menceritakan masalah-masalah yang dialami oleh watak-watak remaja yang mempengaruhi kehendak-kehendaknya. Dalam sesebuah novel remaja, penulis akan menjelaskan sebab-sebab setiap kehendak itu ingin dicapai, tindakan-tindakan yang dilakukan dan kesan-kesan yang berlaku hasil susulan tindakan-tindakan itu. Watak-watak lazimnya akan berusaha untuk mencapai kehendak-kehendak mereka berdasarkan kemampuan yang dimiliki dan sumber-sumber yang ada di sekelilingnya.

Kajian ini dilakukan oleh pengkaji untuk melihat kehendak-kehendak remaja dalam novel-novel Zailiani Taslim. Penulis ini merupakan antara penulis-penulis generasi 1980an yang masih berkarya sehingga kini. Hasil penglibatan yang berterusan, Zailiani Taslim telah menghasilkan 47 buah novel secara keseluruhannya dengan sebahagian besarnya tergolong dalam genre novel remaja.